

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [ GERIK ]**

**TARIKH : 17 OKTOBER 2016 (ISNIN)**

**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah usaha yang telah dilakukan bagi menyelesaikan masalah talian komunikasi yang masih lemah di kawasan luar bandar terutamanya dalam Parlimen Gerik.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sedang melaksanakan inisiatif Peluasan Liputan Selular dan Jalur Lebar Mudah Alih melalui program Pemberian Perkhidmatan Sejagat.

Bagi Parlimen Gerik, sebanyak 9 lokasi telah berjaya dinaik taraf dengan liputan 3G manakala tambahan 5 buah lokasi masih lagi dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2017.

Selain itu, sebanyak 3,784 sambungan yang melibatkan penaiktarafan dua ibu sawat sedang giat dilaksanakan di bawah projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (*Sub Urban Broadband - SUBB*) di Parlimen Gerik. Projek ini berupaya menyediakan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi sehingga 20Mbps dan dijangka siap sepenuhnya sehingga tahun 2020.

Dengan terlaksananya inisiatif ini, diharap ia dapat memberi perkhidmatan Selular dan jalur lebar yang lebih baik dan berkualiti di sekitar Parlimen Gerik.